

Terutama dalam bidang ekonomi

Kerjasama segi tiga untuk selaraskan pembangunan - PM

KUALA LUMPUR 30 Ogos — Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerjasama Malaysia, Thailand dan Indonesia untuk membangunkan kawasan segi tiga di utara Semenanjung bertujuan menyelaraskan pembangunan terutama dalam bidang ekonomi.

Menurutnya, kawasan - kawasan yang terlibat ialah 14 wilayah di selatan Thailand, Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak serta utara Sumatra.

"Kita sudahpun ada bentuk kerjasama di sebelah selatan iaitu Johor, Singapura dan Batam dan kita juga ingin mengadakan satu

lagi bentuk kerjasama yang seperti itu di sebelah utara," jelas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian ketika diminta menghuraikan skop kerjasama itu setelah beliau mengumumkan semalam perantikan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin sebagai wakil kerajaan bertaraf menteri, dalam badan kerjasama itu.

Perdana Menteri berkata, kerjasama ini bertujuan menyelaraskan pembangunan ekonomi di kawasan - kawasan terlibat supaya dapat dijalankan dengan lebih cepat lagi.

Kita sedang berbincang untuk mencari cara - cara yang boleh kita adakan kerjasama," tambah beliau sambil memberitahu kerjasama ini bukanlah untuk mewujudkan zon perdagangan bebas tetapi menyelaraskan pembangunan, khususnya pembangunan ekonomi.

Ditanya sama ada kerjasama ini adalah inisiatif daripada Malaysia, beliau berkata, sebenarnya, perkara ini turut dibincangkan dalam perjumpaan dengan gabenor - gabenor di selatan Thailand baru - baru ini.